

# CLAMENTIN POWDER FOR SYRUP

Amoxicillin/Clavulanic acid (31.25mg/ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan CLAMENTIN POWDER SYRUP
2. Bagaimana CLAMENTIN POWDER SYRUP berfungsi.
3. Sebelum menggunakan CLAMENTIN POWDER SYRUP
4. Cara menggunakan CLAMENTIN POWDER SYRUP
5. Semasa menggunakan CLAMENTIN POWDER SYRUP
6. Kesan-sesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan CLAMENTIN POWDER SYRUP.
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan CLAMENTIN POWDER SYRUP

Ia digunakan untuk jangka masa yang pendek dalam jangkitan saluran pernafasan, kulit dan jangkitan tisu lembut dan jangkitan saluran kencing genital.

Doktor anda mungkin memberikan CLAMENTIN POWDER SYRUP untuk sebab yang lain. Tanya doktor anda jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengapa CLAMENTIN POWDER SYRUP diberikan kepada anda.

## Bagaimana CLAMENTIN POWDER SYRUP berfungsi

CLAMENTIN POWDER SYRUP mengandungi bahan aktif Amoxycillin/Clavulanic Acid. Ubat ini bertindak dengan membunuh bakteria yang menyebabkan jangkitan.

## Sebelum menggunakan CLAMENTIN POWDER SYRUP

### Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan CLAMENTIN POWDER SYRUP jika:

-anda mempunyai reaksi alahan terhadap penicillin atau jenis antibiotik yang sama (seperti cephalosporins) atau bahan-bahan lain yang terkandung di dalam CLAMENTIN POWDER SYRUP. Bahan-bahan kandungan disenaraikan di akhir risalah ini. Sesetengah simptom reaksi alahan termasuk ruam kult, gatal-gatal, kesukaran penafasan dan pembengkakan muka atau lidah.

-anda pernah mengalami masalah hati selepas menggunakan CLAMENTIN POWDER SYRUP atau antibiotik penicillin yang lain.

### Sebelum menggunakan CLAMENTIN POWDER SYRUP

Beritahu doktor anda jika:

- anda pernah mengalami alahan (seperti ruam) terhadap antibiotik seperti penicillin atau sebarang bahan pada masa yang lepas.
- anda alahan terhadap makanan, pewarna, pengawet atau mana-mana ubat yang lain.
- anda pernah mengalami masalah hati selepas menggunakan CLAMENTIN POWDER SYRUP atau ubat yang lain.
- anda mempunyai demam kelenjar (mononukleosis).
- anda mempunyai masalah buah pinggang atau hati.
- anda mempunyai *phenylketonurics* (masalah metabolism).

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat-ubat yang digunakan bersama CLAMENTIN POWDER SYRUP mungkin menyebabkan interaksi sesama sendiri. Ini termasuk:

- pil pencegah kehamilan.
- probenecid, ubat untuk gout.
- allopurinol, ubat untuk gout.

Doktor anda atau ahli farmasi mungkin mempunyai maklumat lanjut mengenai ubat-ubatan yang perlu diberi perhatian atau perlu dielakkan semasa pengambilan ubat ini.

## Cara menggunakan CLAMENTIN POWDER SYRUP

### Berapa banyak harus digunakan

Sediakan sirap semasa mendispens. Ketuk botol sehingga semua serbuk mengalir dengan bebas. Tambah kira-kira 2/3 daripada jumlah air untuk bancuhan dan goyang dengan kuat. Tambah baki air kepada 100mL dan goyang dengan kuat sekali lagi.

7-12 tahun: 10mL, 3 kali sehari

2-7 tahun: 5mL 3 kali sehari

Kanak-kanak 9 bulan-2 tahun: 25mg/kg/day dibahagikan kepada 3 dos

Jangkitan yang teruk: Menambah kekerapannya kepada selang setiap 6 jam

Iikut semua arahan yang diberikan kepada anda oleh doktor anda atau ahli farmasi dengan berhati-hati. Ianya mungkin berbeza dengan informasi yang terdapat dalam risalah ini. Jika anda tidak faham mengenai

arahan yang terdapat dalam label, sila rujuk doktor anda atau ahli farmasi untuk bantuan.

### Bila perlu digunakan

Dapatkan nasihat doktor tentang masa pengambilan ubat

### Berapa lama perlu digunakan

Dapatkan nasihat doktor untuk tempoh pengambilan ubat.

Jangan berhenti menggunakan ubat walaupun anda merasa sihat selepas beberapa hari, melainkan jika dinasihatkan oleh doktor anda. Jangkitan anda mungkin tidak sembah sepenuhnya jika anda berhenti menggunakan ubat ini terlalu cepat.

### Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa satu dos dan anda mengambil ubat ini secara berterusan, ambil dos itu secepat mungkin. Jika sudah beberapa jam selepas masa makan ubat berlalu ataupun sudah mendekati masa pengambilan dos yang kedua, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihati oleh doktor. Jangan mengambil dua dos pada masa yang sama.

### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Minta bantuan perubatan dengan segera jika anda atau orang lain mengambil terlebih dos.

## Semasa menggunakan CLAMENTIN POWDER SYRUP

### Perkara yang perlu dilakukan

Iikut arahan doktor anda semasa mengambil CLAMENTIN POWDER SYRUP.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan CLAMENTIN POWDER SYRUP.

Jika anda mengalami masalah cirit-birit yang teruk, maklumkan kepada doktor anda atau ahli farmasi dengan segera.

### Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengubah pengambilan dos tanpa arahan doktor.

Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun simptom mereka serupa dengan anda.

#### Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika anak anda merasa gatal-gatal, Bengkak atau ruam kulit semasa menggunakan CLAMENTIN POWDER SYRUP, jangan berikan lagi CLAMENTIN POWDER SYRUP dan beritahu doktor anda dengan segera.

#### **Kesan-sesan sampingan**

CLAMENTIN POWDER SYRUP boleh menyebabkan kesan sampingan gastrousus seperti cirit-birit, loya dan muntah. Ia boleh memberi kesan kepada hati dan menyebabkan tindak balas hipersensitiviti.

Ia mungkin menyebabkan masalah darah dan kesan kepada sistem saraf berpusat seperti pening dan sakit kepala.

Seperti ubat-ubat yang lain, CLAMENTIN POWDER SYRUP boleh mengakibatkan kesan sampingan, walupun bukan semua orang mengalaminya.

Lawati doktor anda atau ahli farmasi dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan lain selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550 atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumer→ Reporting*).

#### **Cara penyimpanan dan pelupusan CLAMENTIN POWDER SYRUP**

##### Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan keadaan lembap.

Bancuhan sirap mesti disimpan di dalam penyejukan dan dibuang selepas 7 hari.

##### Pelupusan

CLAMENTIN POWDER SYRUP perlu dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh. Ubat ini tidak boleh dilupuskan melalui air buangan atau buangan isi rumah. Sila bertanya kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

#### **Maklumat lanjut**

##### Rupa dan warna produk

Serbuk berwarna putih  
Rupa selepas larutan:  
Larutan berwarna putih.

##### Bahan –bahan kandungan

-Bahan aktif:  
Amoxicillin Trihydrate  
Clavunate Salt  
-Bahan tidak aktif:  
Silicon Dioxide  
Aspartame  
Mannitol  
Orange Powder  
Xanthan Gum

##### Nombor MAL

MAL09032000AZ

#### **Pengilang**

Yung Shin Pharmaceutical Ind. Co., Ltd.  
(Taichung Youth Factory III)  
No. 26 Kung Liu Rd. Youth Industrial District, Taichia, Taichung, Taiwan, R.O.C

#### **Pemegang Pendaftaran Produk**

Y.S.P Industries (M) Sdn. Bhd.  
Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13,  
Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi,  
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan,  
Malaysia.

#### **Tarikh kemaskini RiMUP**

21/4/2016

#### **Nombor Siri**

BPFK(R4/1)200416/00117

